



# **PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**

**KERATAN AKHBAR  
3 JUN 2019 (ISNIN)**



DISEDIAKAN OLEH :  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT**

AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	Bantu kurang beban masyarakat
MUKA SURAT	33

## Bantu kurang beban masyarakat



Muslimin (lapan dari kanan) bergambar bersama sukarelawan yang terbabit dalam Jelajah Sumbangan Kasih Parlimen Sungai Besar di Sekinchan kelmarin.

SINAR. m/s - 33

**SABAK BERNAM** - Seramai 2,000 penduduk menerima manfaat menerusi program Jelajah Sumbangan Kasih Parlimen Sungai Besar.

Ahli Parlimen Sungai Besar, Muslimin Yahaya berkata, peruntukan berjumlah RM60,000 membatik pemberian barangan keperluan asas seperti gula, tepung, telur dan ketupat mini itu bagi mengurangkan beban penerima membuat persiapan Hari Raya Aidilfitri.

"Penerima sumbangan terdiri daripada mereka yang tiada baucar Jom Shopping, bantuan Lembaga Zakat Selangor dan

Jabatan Kebajikan Masyarakat serta kumpulan B40," katanya.

Muslimin berkata, sumbangan bernilai RM30 kepada setiap penerima yang dipilih melalui Pengerusi Jawatankuasa Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK).

"Sebahagian sumbangan pula diberikan kepada pengunjung di empat lokasi pengedaran barangan keperluan ini iaitu di Binjai Jaya, Parit 8 Sungai Panjang, Sekinchan dan Pasir Panjang.

"Pemberian sumbangan ini merentasi politik termasuk mengedarkan kepada rakan daripada

UMNO dan Pas," katanya.

Menurut Muslimin, program kali pertama yang dianjurkan itu diharapkan dapat meningkatkan jumlah kepada 4,000 penerima tahun depan.

"Inilah inisiatif kami di Parlimen Sungai Besar dan jumlah itu perlu ditingkatkan sekali ganda pada tahun seterusnya," katanya.

Beliau berharap penerima gembira dan bersyukur walaupun pemberian berkenaan tidak besar.

"Mungkin pemberian ini tidak memberi makna buat mereka yang hidup senang tetapi besar artinya kepada golongan memerlukan," katanya.

<b>AKHBAR</b>	<b>SINAR HARIAN</b>
<b>TAJUK BERITA</b>	<b>Kempen MKJR fokus enam kesalahan trafik</b>
<b>MUKA SURAT</b>	<b>34</b>

## **Kempen MKJR fokus enam kesalahan trafik**

**KUALA SELANGOR** – Pengguna jalan raya yang melalui Jalan Klang-Teluk Intan dan merentasi daerah ini dinasihatkan mematuhi peraturan sempena Kempen Keselamatan Jalan Raya Daerah Kuala Selangor 2019.

Pegawai Daerah Kuala Selangor, Mohd Faizal Abd Raji berkata, enam kesalahan utama yang menjadi tumpuan sepanjang Op Selamat kali ini.

“Kesalahan yang selalu dilakukan pengguna termasuk memandu di lorong kecemasan dan memotong garisan berkembar.

“Selain itu penggunaan telefon bimbit ketika memandu, memotong barisan, memandu laju dan tidak mematuhi lampu isyarat turut menjadi fokus kempen keselamatan jalan raya tahun ini,” katanya pada program anjuran Majlis Keselamatan Jalan Raya (MKJR) itu kelmarin.

Sebanyak 500 beg cenderamata diagihkan kepada pengguna jalan raya di hadapan Stesen Minyak Petronas Pasir Penambang.

Hadir sama, Orang Besar Daerah Kuala Selangor, Datuk Mohamad Yaacob Ismail; ADUN Permatang, Rozana Zainal Abidin dan Setiausaha Majlis Daerah Kuala Selangor, Azman Dahlan.

Mohd Faizal berkata, kempen berkenaan dilaksanakan setiap tahun bagi menyampaikan advo-



Mohd Faizal (tengah) beramah mesra dengan pengguna jalan raya sempena Kempen Keselamatan Jalan Raya Daerah Kuala Selangor 2019 kelmarin.

*SINAR - m/s - 34*

**Kesalahan yang selalu dilakukan pengguna termasuk memandu di lorong kecemasan dan memotong garisan berkembar.” - Mohd Faizal**

kasi keselamatan jalan raya kepada pengguna sempena sambutan perayaan Aidilfitri.

Beliau memberitahu, Jalan Persekutuan FT05 adalah laluan utama menghubungkan pantai barat dari Klang menuju ke Teluk Intan.

“Laluan ini melalui Kapar, Kuala Selangor, Tanjong Karang, Sekinchan, Sungai Besar dan Sabak Bernam sehingga ke sempadan Perak,” katanya.

“Kami berharap pengguna jalan raya dapat merancang perjalanan dengan lebih baik bagi mengelakkan kesesakan dan kemalangan,” katanya.

<b>AKHBAR</b>	<b>SINAR HARIAN</b>
<b>TAJUK BERITA</b>	<b>Kuat kuasa caj parkir 1 Julai</b>
<b>MUKA SURAT</b>	<b>34</b>

# Kuat kuasa caj parkir 1 Julai

SINAR - m/s - 34

**MDKS kenakan bayaran 50 sen sejam dari 8 pagi sehingga 6.30 petang**

ARZIANA MOHMAD  
AZAMAN

KUALA SELANGOR

Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) akan mengenakan caj parkir berkuat kuasa 1 Julai depan.

Yang Dipertuanya, Rahilah Rahmat berkata, kadar caj ialah 50 sen sejam bermula jam 8 pagi hingga 6.30 petang.

Menurutnya, caj itu dikenakan pada Isnin hingga Jumaat dan tidak memba-

bitkan cuti umum. "Sebanyak 6,090 tapak parkir dikenakan caj dan orang ramai boleh merujuk Facebook atau laman web MDKS di [www.mdks.gov.my](http://www.mdks.gov.my).

"Antara kawasan yang diwartakan untuk pelaksanaan tersebut adalah di Kuala Selangor, Tanjong Karang, Bestari Jaya dan Puncak Alam serta Saujana Utama," katanya.

Beliau turut mengingatkan pemandu yang meletakkan kenderaan di kawasan letak kereta bayar supaya membuat bayaran caj parkir bagi mengelakkan dikenakan kompaun.

"Tindakan ini termaktub di bawah Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) (Majlis Daerah Kuala Selangor) 2007.



RAHILAH

"Arahan ini memberi kuasa kepada MDKS untuk mengenakan caj meletak kereta dan memperuntukkan kuasa penguatkuasaan bagi pematuhan perintah tersebut," katanya.

Menurutnya, pengguna parkir boleh membuat bayaran tempat letak kereta melalui beberapa kaedah iaitu kupon gores, pas bulanan dan aplikasi telefon



Tempat letak kereta di kawasan premis perniagaan di Kuala Selangor tidak terkecuali dikenakan caj parkir bermula 1 Julai.

pintar.

"Mereka juga boleh memuat turun Smart Sela-

ngor Parking dan FlexiParking melalui Google Play dan App Store.

info

Kupon gores pada harga RM5 (10 keping kupon) dan pas bulanan letak kereta berharga RM70

"Orang ramai juga boleh mendapatkan kupon gores pada harga RM5 (10 keping kupon) dan pas bulanan letak kereta berharga RM70 melalui ejen yang dilantik.

"Suasa Efektif (M) Sdn Bhd adalah syarikat konsepsi yang dipertanggungjawabkan untuk operasi tempat letak kereta di kawasan pentadbiran MDKS. Sebarang pertanyaan boleh menghubungi Jabatan Penguatkuasaan MDKS di talian 0332897385," katanya.

AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	RM 4.171j untuk petugas masjid dan surau
MUKA SURAT	19

## RM4.171j untuk petugas masjid dan surau

FOTO: FACEBOOK AMIRUDIN SHARI

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor memperuntukkan sejumlah RM4.171 juta buat petugas masjid dan surau di seluruh negeri ini melalui penyerahan Insentif Mahabbah Ramadan.

Menteri Besarnya, Amirudin Shari berkata, daripada jumlah itu sebanyak 13,000 penerima dipilih sebagai tanda penghargaan atas sumbangan mereka.

Katanya, setiap petugas masjid akan menerima RM400 manakala petugas surau pula mendapat RM300 seorang menjelang sambutan Hari Raya Aidilfitri.

"Saya menyampaikan Insentif Mahabbah Ramadan kepada seluruh petugas masjid dan surau di Selangor dalam Program Qiyamulail Perdana ini," katanya di Facebook semalam.

Sebelum ini, Kerajaan



Amirudin (kiri) menyerahkan bantuan insentif berkenaan melalui Pejabat Agama Islam Daerah Gombak dalam majlis yang berlangsung di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam.

SINAR - m/s - 19

Selangor mengumumkan seramai 19,244 penjawat awam di negeri itu bakal menerima bantuan khas kewangan sebanyak tiga bulan gaji yang akan dibayar secara berperingkat.

Pembayaran bagi satu bulan gaji dipanggil Insentif Mahabbah Selangor akan dibuat pada 7 Jun.

Manakala, bantuan khas kewangan dua bulan gaji lagi akan dibayar pada akhir tahun berdasarkan mata pencapaian prestasi yang diperolehi oleh ketua-ketua jabatan.

AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	Runtuhan semakin teruk
MUKA SURAT	20

# Runtuhan semakin teruk

SINAR - M/S - 20



Keadaan hujan menyebabkan arus air semakin deras dan meruntuhkan struktur longkang monsun tersebut.

## Penduduk resah isu runtuhan longkang monsun tiada penyelesaian

ASYRAF MUHAMMAD

SUBANG

Isu hakisan tebing longkang monsun berhampiran kawasan Lot 3373, Jalan Tembusu, Kampung Melayu Subang semakin membimbangkan susulan hujan lebat yang melanda sejak kebelakangan ini.

Seorang pengusaha bengkel di sini, **Zainuddin Deraman**, 47, berkata, keadaan hujan sejak kebelakangan ini menyebabkan kapasiti air longkang ber-

kanaan bertambah sekaligus menyebabkan struktur tanah di sini semakin lemah.

“Berikutan itulah keadaan runtuhan ini semakin bahaya malah turut menyebabkan bengkel dan penempatan penduduk di sini terjejas,” katanya semalam.

Tinjauan *Sinar Harian* mendapati keadaan hakisan itu menyebabkan runtuhan pada tebing berkenaan ekoran keadaan air deras yang disalurkan pada longkang tersebut.

Sebelum ini, *Sinar Harian* pernah melaporkan mengenai kejadian runtuhan tebing pada longkang monsun berkenaan yang mengundang risiko bahaya buat penduduk setempat di sini sejak beberapa bulan lalu.

Jabatan Pengairan dan

Saliran (JPS) Petaling sebelum ini turut memaklumkan bahawa longkang berkenaan berada di bawah seliaan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dan permasalahan itu juga telah dipanjangkan kepada pihak berkenaan.

Malah difahamkan MBSA telah mengadakan lawatan di lokasi berkenaan sebelum ini bersama pakar perunding bagi menyelesaikan permasalahan tersebut.

Mengulas lanjut, **Zainuddin** berkata, walaupun isu itu sudah mendapat perhatian pihak bertanggungjawab, namun tiada sebarang langkah penyelesaian diambil sehingga kini.

“Saya dimaklumkan MBSA sudah dimaklumkan mengenai permasalahan ini namun saya tak nampak sebarang perkem-

angunan positif dilaksanakan oleh pihak berkenaan,” katanya.

Sementara itu, **Hafnizani Abu Hamifah**, 39, berkata, pihaknya berharap agar isu itu dapat diselesaikan dengan segera khususnya menjelang perayaan ini tidak lama lagi.

Ujarnya, penduduk di sini dibelenggu keresahan dengan isu itu yang dilihat mampu mengancam nyawa orang awam sekiranya tiada langkah penyelesaian segera diambil.

“Kami tak mahu tunding jari kepada sesiapa namun penduduk hanya harapkan agar permasalahan ini dapat diatasi segera.

“Isu ini agak serius kerana ia melibatkan hakisan yang semakin menjejaskan kediaman penduduk dan beberapa bengkel di kawasan ini,” katanya.



# KERATAN AKHBAR 3 JUN 2019 (ISNIN)



AKHBAR	Utusan Malaysia
TAJUK BERITA	Perpecahan Melayu, Peranan Istana
MUKA SURAT	17

UTUSAN MALAYSIA • ISNIN 03 JUN 2019

RENCANA 17

## Perpecahan Melayu, peranan istana



Hasan Mad

JIKA diperhalusi sistem pemerintahan di Malaysia, akan kita temukan satu keunikan di mana pemerintah atau khalifah yang sebenarnya ialah institusi raja-raja Melayu. Itu sebabnya apabila penjajah British hendak menyerahkan kembali pemerintahan negara ini kepada rakyatnya, mereka wajib terlebih dahulu mendapat perkenan daripada Majlis Raja-Raja. Upacara simbolik upacara penyerahan kuasa pemerintahan itu pada 5 Ogos 1957 bila mana raja-raja Melayu bersetuju memeterai Perlembagaan Persekutuan, menjadikan raja-raja Melayu sebagai Monarki Berperlembagaan.

Akan tetapi, pada saat itu orang Melayu bimbang. Mereka bimbang niat tersirat penjajah British memisahkan institusi raja-raja daripada mereka dan kepentingan mereka terabai.

Demikian meyakinkan orang Melayu bahawa hak dan kepentingan terpelihara dan institusi Istana akan terus bersama dan melindungi mereka, maka raja-raja Melayu memberikan syarat kepada penjajah British untuk menerima prasyarat daripada mereka (*collateral*) yang dirujuk sehingga kini sebagai Wasiat Raja-Raja Melayu. Wasiat yang dimaksudkan itu tidak diwartakan secara rasmi hingga ke hari ini. Ia adalah petikan minit Mesyuarat Majlis Raja-Raja Melayu yang memberikan jaminan kepada orang Melayu sebagai pribumi negara ini bahawa dengan penerimaan Perlembagaan Persekutuan oleh raja-raja Melayu itu, baginda sekalian memberikan jaminan bahawa hak-hak mutlak dan kepentingan mereka terjamin.

Dengan jaminan itu, raja-raja Melayu merasakan mereka telah memberikan perlindungan yang dituntut oleh orang Melayu dan agama Islam (sebagai Agama Persekutuan). Orang Melayu pula merasakan kedudukan mereka sudah terjamin dengan adanya wasiat itu.

Peruntukan Perlembagaan itu mewujudkan satu sistem pemilihan wakil rakyat untuk berperanan sebagai wazir, membantu raja-raja Melayu dalam mentadbir negeri dan negara.

### 'SUARA KUASA' MINORITI

Dengan adanya sistem pemerintahan dan pentadbiran sedemikian yang dipandu oleh Perlembagaan Persekutuan dan kepentingan orang Melayu dilindungi oleh wasiat itu, tidak perlulah pihak istana sentiasa diganggu oleh rakyat untuk menyelesaikan apa juga isu atau kemelut pentadbiran yang mereka hadapi.

Hanya sekali dalam sejarah kemerdekaan negara, pihak wazir meminta pihak khalifah (raja-raja Melayu) menggantung pentadbiran negara bagi menyelesaikan konflik pentadbiran berikutan teretusnya tragedi 13 Mei 1969. Selain daripada insiden itu, pihak istana yang sewajarnya berperanan sebagai khalifah dilihat semakin pasif peranannya. Peranan mereka sebagai khalifah yang memerintah diserahkan hampir sepenuhnya kepada kebijaksanaan para wazir mentadbir negara.

Pun begitu, sejak kebelakangan ini suasana itu tidak lagi dilihat seindah yang sepatutnya. Perpecahan dalam kalangan institusi yang memilih para wazir ini iaitu institusi politik, dilihat kurang sihat terutama dari kaca mata orang Melayu. Para wazir Melayu berbalah dan berpecah, menyebabkan orang Melayu yang majoriti tapi 'suara kuasanya' sudah menjadikan mereka golongan minoriti.

Perbalahan dan perpecahan dalam kalangan mereka kian meruncing sekalipun semua mereka itu baik dalam kalangan puak kerajaan mahupun pembangkang, menyedari bahawa kemelut ini yang amat merugikan bangsa Melayu.

Jika dahulu orang Melayu 'mengadu' kepada raja-raja Melayu (sebagai khalifah) kerana mencurigai penjajah British, kini mereka terpaksa kembali ke istana 'mengadu' kebimbangan mereka melihat kemelut semasa dalam kalangan institusi wazir. Mereka merasakan kedudukan dan hak mereka sudah tidak lagi terjamin. Orang Melayu merasakan perbalahan dalam kalangan institusi wazir bangsanya, menggugat kedudukan agama Islam, ekonomi mereka kembali tercicir, agenda pendidikan mereka kembali berclaru dan terpinggir. Malah institusi pertahanan mereka juga terdedah kepada ancaman



SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH

pihak luar.

### LARANGAN TERIMA ANUGERAH

Pihak istana yang sekian lamanya berperanan agak pasif, sekadar memenuhi acara-acara berunsur *ceremonial* sahaja, mula didesak oleh orang Melayu untuk berperanan lebih signifikan. Pada masa sama pihak istana juga mula merasai institusi wazir dikuasai oleh bukan Melayu sebenarnya tidak mengiktiraf kewujudan dan peranan institusi istana ini.

Contohnya, mereka melarang dalam kalangan pemimpin mereka dari pada menerima apa juga bentuk gelaran atau penganugerahan yang institusi ini cuba anugerahkan kepada pemimpin mereka. Larangan sedemikian mereka buat secara terbuka, menunjukkan betapa angkuh mereka kepada institusi itu yang diangkat begitu tinggi martabatnya oleh bangsa Melayu.

Bukan itu saja, sejak kebelakangan ini begitu lantang dan berani dalam kalangan mereka mempersoalkan dan



Jika dahulu orang Melayu 'mengadu' kepada raja-raja Melayu (sebagai khalifah) kerana mencurigai penjajah British, kini mereka terpaksa kembali ke istana 'mengadu' kebimbangan mereka melihat kemelut semasa dalam kalangan institusi wazir.



SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH

memperecehkan kewujudan institusi ini. Tindakan mereka bermiat untuk meruntuhkan institusi ini. Bila runtuh institusi ini maka tiadalah lagi tempat bagi orang Melayu mengadu nasib.

Intisari kepada turutan insiden itu ialah untuk institusi ini kekal relevan terutamanya kepada orang Melayu. Ia wajib menjadi lebih signifikan dan wajib berperanan sebagai khalifah mutlak. Institusi ini wajib lebih *visible* dan perintah mereka diakuri oleh semua, terutama dalam kalangan wazir Melayu.

Aduan demi aduan disuarakan dengan lantang oleh orang Melayu. Akhirnya, pihak istana mula 'bersuara' menegur para wazir Melayu itu. Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah telah bersuara acap kali. Hingga kini teguran baginda ibarat mencurah air ke daun keladi sahaja.

Terkini, sepertimana yang disiarkan oleh beberapa akhbar arus perdana bahasa Melayu, Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah pula menegur. Jelas sekali baginda amat dukacita dan amat bimbang. Baginda ikhlas dengan cara terbuka menegur orang Melayu dan pemimpin Melayu betapa perlunya mereka bersatu.

### RAJA KHALIFAH ISLAM

Secara peribadi saya berpendapat, langkah pertama yang diharapkan oleh semua rakyat (bukan orang Melayu sahaja) ialah pihak Istana itu sendiri hendaklah menjadi sebuah institusi yang dihormati secara mutlak oleh semua pihak. Ia wajib menjadi sebuah autoriti tertinggi dan raja itu sendiri berperanan sebagai khalifah Islam yang

tiada pihak boleh pertikai kewibawaannya.

Langkah kedua ialah titah dan perintah baginda. Jika titah baginda diingkari, sepertimana titah kedua-dua Sultan itu yang tiada respon langsung di pihak wazir Melayu, wajiblah baginda melaksanakan perintah.

Pada hemat saya, baginda wajib mengeluarkan perintah, panggil mengadap semua wazir yang berbalah dan bersengketa bersama lain-lain pemimpin masyarakat orang Melayu untuk mengadap baginda dalam masjid. Sebagai Ketua Agama Islam di setiap negeri, baginda mempunyai kuasa mutlak dan secara simboliknya menggunakan institusi terbaik (masjid) sebagai *venue* untuk mendamaikan semua pihak yang bertelagah itu.

Setelah selesai pelbagai acara ibadah berjemah baginda kendalikan sendiri acara mesyuarah berjemah, bersemuka dengan semua pemimpin wazir dan pemimpin masyarakat, bagi selesaikan kemelut perpaduan ini. Baginda tidak perlu lakukannya secara *covert*. Baginda sudah pun bertitah menegur secara terbuka. Justeru selapas bermesyuarah secara terbuka yang jika perlu dibuat secara siaran langsung, baginda membuat titah perintah juga secara terbuka, memerintahkan semua orang Melayu, terutama dalam kalangan wazir itu untuk berdamai dan bersatu padu, demi masa depan orang Melayu.

Kaum-kaum lain kaum tidak perlu takut dan bimbang. Seperti yang baginda Sultan Selangor nyatakan, jika perpaduan dalam kalangan orang Melayu ampuh, ia akan turut memanfaatkan kaum-kaum lain. Ini kerana sifat dan keperibadian orang Melayu yang teramat mudah berbaik sangka dengan kaum lain. Jika tidak masakan adanya pepatah seperti 'dagang lalu ditandakan, suami di rumah kebuluran'.

Orang Melayu juga wajib lebih komited melindungi institusi istana daripada terus diperlecehkan oleh mana-mana pihak dalam dan luar negara. Orang Melayu wajib mengangkat institusi politik mereka untuk menjadi institusi yang lebih berani, bijaksana, hebat, bermaruah, berkat dan bertawakal. Insya-Allah.

17

DATUK DR. HASAN MAD ialah Setiausaha Agung Majlis Perundingan Melayu (MPM).



# KERATAN AKHBAR 3 JUN 2019 (ISNIN)



<b>AKHBAR</b>	The Star Metro
<b>TAJUK BERITA</b>	New bus route for Selayang municipality
<b>MUKA SURAT</b>	2

By JAROD LIM  
jarodlim@thestar.com.my

SELAYANG Municipal Council (MPS) has launched its third Smart Selangor bus route. It piles between Batu Arang and Sungai Buloh.

The new 31.3km route, introduced on June 1, starts from SK Batu Arang and ends at Sungai Buloh KTM station.

It has a total of 45 stops. The round-trip journey takes about 90 minutes. MPS deputy president Datuk Dr Juhari Ahmad said the route would especially benefit students as buses would pass by 15 schools.

"We created this route as there is a demand for it and we find it feasible.

"It will be very convenient for people living in areas along the route," he said.

Four Smart Selangor buses will be operational from 6am to 10pm at a frequency of 45 minutes.

"The buses are funded by the state government and it costs RM2mil a year to run.

"We hope the free bus service will ease the people's financial burden and, at the same time, reduce traffic on the road," said Juhari during a press conference after MPS' fullboard meeting.

There are two other routes served by Smart Selangor bus.

One is from Gombak LRT station to Bandar Baru Selayang while the other plies between Rawang Tesco and Rawang bus station.

The stops in the latest route include the government clinic in Batu Arang, SMK Bandar Tasik Puteri, Puteri Central Park, Desa Kundang Clinic, Kundang Lakes Country Club and Hospital Sungai Buloh.

On a separate matter, Juhari said the council had also received a lot of complaints from MPS councillors on the inefficiency of KDEB Waste Management Sdn Bhd.

The company is tasked with handling domestic waste collection and public cleansing in the municipality.

"We are paying them RM24mil for waste collection and RM20.93mil for public cleansing a year, and these are all of the council's funds allocated for the two purposes.

"They should be addressing residents' grievances.

"We will highlight these complaints at state level as the contractor is appointed by the state government," said Juhari.


MPS announced that it had collected RM46.8mil in assessment fees, which is 91.77% of the RM51mil expected this year until April 30.

The council had also recovered RM3.77mil in assessment arrears or 53.82% of the total RM7mil.

## New bus route for Selayang municipality

### Third Smart Selangor service passes by 15 schools and Hospital Sungai Buloh on its 31km journey

Some of the stops for Smart Selangor Bus route - Batu Arang to KTM Sungai Buloh



Source: Selayang Municipal Council



Juhari hopes the free bus service will ease the people's financial burden and reduce traffic.

A total of 6,152 warrants had been issued from April 5 to 30 to property owners with more than RM200 of outstanding assessment tax.

The councils will conduct weekly operations to seize movable properties of the owners who failed to settle arrears within seven days after the warrant is issued.

MPS will also continue to clear



Smart Selangor bus will call at 45 stops in the latest route launched by MPS. — Filepic

illegal billboards through its regular enforcement.

"We hope that through continuous enforcement, companies that erected billboards without per-

mits will be motivated to apply for licences from us.

"Last year, we collected RM2.4mil from advertisement licensing, site rental and billboard

permits," Juhari announced.

Meanwhile, MPS will hold a Hari Raya Aidilfitri open house on June 18 where 88 staff will be awarded for service excellence.

sm 2



<b>AKHBAR</b>	The Star Metro
<b>TAJUK BERITA</b>	MP: Build motorcycle lane on busy expressway
<b>MUKA SURAT</b>	3

STARMETRO, MONDAY 3 JUNE 2019

# MP: Build motorcycle lane on busy expressway

Speeding, faulty streetlights among causes of accidents, says cop

By EDWARD RAJENDRA  
edward@thestar.com.my

KAPAR MP Datuk Abdullah Sani Abdul Hamid is urging the authorities to build a dedicated motorcycle lane along the busy Pulau Indah Expressway as a way to reduce accidents and fatalities involving motorcyclists.

"There have been too many fatal accidents involving motorcyclists on Pulau Indah Expressway. It is a busy route with a lot of container lorries using this highway."

He said there was a crucial need for a separate lane with a barrier just for motorcyclists.

"Public Works Department (JKR) and other authorities carrying out road improvement works must create a dedicated motorcycle lane," he said, adding that he would bring the matter up in Parliament.

Abdullah Sani said most of those riding the smaller engine motorcycles on the expressway were from the B40 group who live in Selat Klang, Port Klang or Kapar and work in Pulau Indah.

"If we want to curb deaths on this expressway, we definitely have to reduce motorcycle fatalities. We need to have a dedicated lane for two-wheelers."

"JKR must be open to suggestions to see its implementation and the Federal Government needs to provide the funds," he added.

The MP was commenting on *StarMetro's* front-page story titled "An expressway many motorists prefer to avoid."

On May 16, *StarMetro* highlighted a particularly dangerous stretch along the 17.7km Pulau Indah Expressway, where there had been more than 2,300 accidents since 2017 with 26 deaths.

Deplorable road conditions and motorists' aggressive driving are the main reasons that stretch had gained a notorious reputation.

An estimated 50,000 vehicles ply this route daily. The expressway's users are mostly people living on Pulau Indah where the Selat Lumut Bridge connects Port Klang on the mainland to the island.

South Klang OCPD Asst Comn Shamsul Amar Ramli attributed the accidents there to bad visibility during rain, unsafe road conditions, drivers not adhering to the speed limit and non-functioning streetlights along certain stretches.

ACP Shamsul said he had proposed several times at the Klang Municipal Council full-



Motorcyclists are especially vulnerable on the Pulau Indah Expressway. — Filepic




board meetings to have a motorcycle lane on the expressway but it had not materialised.

He noted that the most dangerous stretch was after the bridge, heading towards Westport, where there was a sharp bend in the road.

"Many accidents have occurred here and the streetlights have been out of order for some time," he said.

Abdullah Sani said he would discuss with JKR to repair the non-functioning streetlights.

Union of Employees of Port Ancillaries Services Suppliers secretary A.



StarMetro's report on May 16.

Balasubramaniam, who met Abdullah Sani at a buka puasa event, highlighted the matter while urging the MP to push for a dedicated motorcycle lane on the Pulau Indah Expressway.

"This issue needs serious attention because there have been too many deaths on the expressway," said Balasubramaniam.

SM 3

<b>AKHBAR</b>	The Star Metro
<b>TAJUK BERITA</b>	Klang Valley locales vie for spots in global campaign
<b>MUKA SURAT</b>	4

4 News

STARMETRO, MONDAY 3 JUNE 2019



Residents and park-goers scooping out rubbish from Taman Wawasan's lake in Puchong. — Photos: AZHAR MAHFUF/The Star



Rubbish bins in Taman Wawasan for recyclable and non-recyclable waste.

By OH ING YEEN  
ingyeen@thestar.com.my

SUBANG Jaya and Petaling Jaya will be vying for spots in the UN-Habitat Waste Wise Cities Campaign.

Subang MP Wong Chen said representatives from the United Nations had informed him that either one or both cities would be shortlisted for the campaign-cum-competition.

"I was told that they would propose two cities from the Klang Valley for the competition, one is Subang Jaya and the other, Petaling Jaya.

"The competition involves 50 cities around the world," he said at the Waste Wise Cities Campaign Clean-Up 2019 at Taman Wawasan in Puchong, Selangor.

Also present were Kinrara assemblyman Ng Sze Han, who is also Selangor Local Government, Public Transport and New Village Development Committee chairman, and Subang Jaya councillor George Yap.

About 100 residents and park-goers pitched in to clean up the park as well as its lake.

# Klang Valley locales vie for spots in global campaign

## PJ and Subang Jaya hope to get recognition from UN in Waste Wise Cities competition

Wong said the park clean-up was part of the campaign.

"I have been asked to chair the meeting for Asean Inter-Parliamentary Assembly on Climate Change in mid-June.

"We need to seriously look at environmental issues, not just at the Malaysian level but at the Asean level too," he said.

"Subang Jaya Municipal Council (MPSJ) will look into a traffic study to reduce pollution and improve the public transportation system.

"Methane (CH<sub>4</sub>) is released at landfills. Waste contributes 20% of

carbon emissions.

"Our country has to move towards renewable energy," said Wong.

Ng said the clean-up was also conducted at Taipan USJ (a commercial area) in Subang Jaya and Taman Merak Puchong Jaya (a housing estate) concurrently with Taman Wawasan (a public park).

"We will put 10 rubbish bins in this park. They will consist of two types; one for recyclable waste, the other for non-recyclable rubbish.

"People in Selangor generate 7,000 tonnes of rubbish daily. This

is a huge amount heading to the landfill.

"It is time to practise the 5Rs, which are rethink, refuse, reduce, reuse and recycle," said Ng.

"Next year, the state government will hold an awareness programme to encourage people to recycle," he added.

Yap said 650 tonnes of rubbish were generated daily in the Subang Jaya municipality.

"It (the waste) is handled by KDEB Waste Management and the cost is RM50mil per year.

"In 2018, there were 242,000

tonnes of garbage which included domestic, garden and bulk waste.

"These are sent to landfills in Dengkil, Jeram and Tanjung Dua Belas.

"It cost the council RM8.5mil in tipping fees," he said.

Yap did have some good news though - MPSJ's recycling programmes had saved the council RM1.3mil in 2018.

"Recycling can help reduce the amount of waste sent to landfills and this helps us to save money.

"Programmes like today's help to promote waste separation at source," said Yap.

He encouraged the public to use the hashtags #wastewisecities and #UNHabitatAssembly to spread awareness on social media.

Sm 4



# KERATAN AKHBAR 3 JUN 2019 (ISNIN)



AKHBAR	The Star Metro
TAJUK BERITA	Traders eager to win award in MPSepang's cleanliness contest
MUKA SURAT	4

## Traders eager to win award in MPSepang's cleanliness contest

By GRACE CHEN  
gracechen@thestar.com.my

RAMADAN bazaar traders vying for Sepang Municipal Council's (MPSepang) "Best Trader" title will know on June 21 if they have won.

The results will be announced and award presented at the council's Hari Raya Aidilfitri event.

Samsudin Sulaiman, who operates a fried chicken stall at the bazaar in Dengkil Jaya, said it would be a tough fight.

Out of some 500 traders last year, only 15 made it to the list of exemplary traders.

One of last year's winners, Fazli Remat, said there was no way of knowing when the council officers would be coming to conduct spot checks.

To score points, he makes sure to keep his stall countertop as well as trading area dry and spotlessly clean throughout trading hours.

The drinks seller will be contending with 60 other traders in Kota Warisan.

The annual award gives winning traders a boost.

Nurul Faizzah Rosnan and her nasi tomato stall in Cyberjaya had won three times.

She said it definitely helped her stall garner a regular following.



Fazli was one of MPSepang's 'Best Ramadan Bazaar Trader' award recipients last year.

Being able to choose the bazaar location and trading lot were the main motivating factors to win the contest, she confessed.

"We wanted to be in Cyberjaya and to have a bay at either the front end of the bazaar or middle section. Making it to the winners' list enabled us to secure these choice spots.

"The stall location matters greatly as it means a 30% increase in daily earnings," said Nurul Faizzah.

MPSepang health officer Arif Ismail said the "Best Ramadan Bazaar Trader" competition was introduced in 2015 to award exemplary traders.

"Our objective is to educate and motivate traders to follow the council's rules, especially on hygiene," he said.

It is effective as a visit to the Kota Warisan and Dengkil Jaya Ramadan bazaars found the streets devoid of rubbish and indiscrimi-



At the Dengkil Jaya Ramadan bazaar, lidded dustbins are a norm.

nate littering.

There were no food scraps or spilt gravy on stall countertops. Rubbish was neatly packed away in tied-up plastic bags. There were lidded dustbins behind most stalls.

The level of hygiene awareness has visibly improved.

One Dengkil Jaya trader who was grilling satar (a Kelantanese delicacy), said he doubted he would make it to the winners' list because ash from his grill was fly-

ing all over the place.

A cendol seller at the same location was apologetic when an opened ice box revealed that a scoop was still lying inside.

She explained that this was frowned upon as the scoop handle, harbouring bacteria from the handler's hands, would contaminate the ice.

Arif said traders must don caps, aprons, gloves and shoes. No slippers are allowed.

Traders are also not allowed to wear accessories like rings, watches and bracelets as these can harbour bacteria.

Stall assistants must be registered during the licence application stage and their photographs clearly displayed on the licence. This is to ensure all food handlers have received typhoid vaccination.

"We are also using the contest as a vehicle to drive home the state government's 'no plastic' and cashless payment campaigns," said Arif.

MPSepang Licensing Department director Noor Halif Noorzan said the competition was a start for traders to upgrade their business environment.

He said the council would still conduct regular enforcement to ensure traders continue to obey rules and regulations. *SM 14*



## KERATAN AKHBAR 3 JUN 2019 (ISNIN)



AKHBAR	The Star Metro
TAJUK BERITA	"Balik Kampung' in a comfort at a new bus terminal
MUKA SURAT	3

# 'Balik kampung' in comfort at new bus terminal

By CHRISTINA LOW  
christinalow@thestar.com.my

COMMUTERS in Shah Alam can now enjoy the comforts offered by the state capital's spanking new intercity bus terminal in Section 17.

The bus terminal that has been delayed for more than four years finally opened for operations on May 1.

While it was under construction, a temporary bus terminal was set up in Section 13 near the Shah Alam football stadium and commuters had complained about the deplorable conditions.

Selangor Local Government, Public Transport and New Village Development Committee chairman Ng Sze Han visited the new terminal to meet commuters heading home for the Hari Raya Aidilfitri holidays.

"This terminal is definitely better than what we had previously, where passengers had to wait in makeshift cabins," said Ng, who was accompanied by Shah Alam deputy mayor Mohd Rashidi Ruslan.

Ng said it was timely for the terminal to open just before the festive break so that



Ng (walking left) and Rashidi (beside him) visiting the newly opened bus terminal in Section 17, Shah Alam.

passengers could wait in proper air-conditioned waiting areas equipped with chairs, cafeteria and strategically placed electronic boards to keep them informed of bus departure times.

"There are several areas that still need improvement and we will be looking into that," he added.

During his visit, Ng also spoke to several commuters. He was informed that there was a shortage of parking space and he said Shah

Alam City Council would be building a multi-storey carpark adjacent to the terminal soon in hopes of solving the problem.

At present, the permanent intercity bus terminal in Jalan Jenulung 17/21 only has about 30 parking spots.

However, the bays are mostly occupied by taxis waiting for passengers.

Ng concluded his visit by distributing 200 goodie bags to passengers and bus drivers at the terminal.

SM 3